

## **TERMA DAN SYARAT**

### **Penganjur & Kelayakan**

1. **“Belanja dan Menang dengan MyDebit atau DuitNowQR” (“Peraduan 1”)** dan Peraduan MyDebit Cash Out (**“Peraduan 2”**) dianjurkan bersama oleh CCV Retail Sdn Bhd (No. Syarikat 20070142826 (800859-P))) dirujuk sebagai (**“Penganjur”**) dan Payments Network Malaysia Sdn Bhd (**“PayNet”**) (No. Syarikat: 200801035403 (836743-D)) dirujuk sebagai (**“Penaja”**).
2. Peraduan ini terbuka kepada (a) semua pemegang kad Mesin Juruwang Automatik (“ATM”) MyDebit yang dikeluarkan oleh institusi kewangan MyDebit di Malaysia; atau (b) pengguna servis pemindahan wang DuitNow QR dan (c) peserta mestilah merupakan warganegara Malaysia dan penduduk tetap yang mempunyai dokumen/kad pengenalan diri yang sah semasa Tempoh Peraduan (**“Peserta”**); (d) Peserta mestilah berumur 18 tahun dan ke atas dan mesti mempunyai akaun yang sah dengan mana-mana institusi kewangan di Malaysia; (e) akaun tersebut mestilah tidak dorman dan dalam kedudukan kewangan yang baik, sepanjang Tempoh Peraduan sehingga selesai penebusan hadiah.
3. Individu-individu yang tersenarai di bawah adalah tidak layak menyertai Peraduan ini:
  - (a) Kakitangan pihak Penganjur dan Penaja (termasuk syarikat bersekutu, anak syarikat atau yang berkaitan dengannya) serta ahli keluarga mereka yang terdekat (anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri); dan/atau
  - (b) Wakil, kakitangan, pekerja dan/atau ejen pembekal khidmat pengiklanan dan/atau agensi promosi Peraduan bagi pihak Penganjur dan Penaja (termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya), dan ahli keluarga mereka yang terdekat (anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri).

### **Tempoh Peraduan & Kriteria Kelayakan**

4. Peraduan ini akan berlangsung dari **01 September 2023** jam 12:00am sehingga **30 November 2023** jam 11:59 malam (Waktu Malaysia) (**“Tempoh Peraduan”**).
5. Pembelian minimum RM25 dan ke atas di mana-mana cawangan Syarikat menggunakan Kad ATM MyDebit (kad ATM bank anda) atau DuitNow QR (dalam satu resit atau resit terkumpul yang di buat dalam tarikh yang sama) sebagai kaedah pembayaran (**“Peraduan**

1”) DAN/ATAU melakukan pengeluaran tunai menggunakan Kad ATM MyDebit melalui MyDebit Cash Out daripada jumlah tidak melebihi daripada RM500 dalam satu resit (“Peraduan 2”), dalam Tempoh Peraduan yang ditetapkan (dengan slip transaksi bank bercetak jelas) akan layak untuk maksimum SATU (1) penyertaan setiap resit (“Bukit Pembelian”). Untuk kejelasan, jika anda membelanjakan pembelian minimum RM25 menggunakan Kad ATM MyDebit atau DuitNow QR sebagai kaedah pembayaran DAN melakukan pengeluaran tunai menggunakan kad ATM MyDebit untuk MyDebit Cash Out tidak melebihi RM500 dalam satu resit, anda layak mendapat SATU (1) penyertaan dalam KEDUA-DUA Peraduan 1 dan Peraduan 2.

6. Peserta boleh menghantar lebih daripada SATU (1) penyertaan. Setiap Bukti Pembelian hanya boleh digunakan sekali sahaja. Penyertaan Peserta akan **dibatalkan serta merta** sekiranya Bukti Pembelian yang sama didapati telah digunakan untuk lebih daripada SATU (1) penyertaan. Jika lebih daripada SATU (1) Peserta didapati menggunakan Bukti Pembelian yang sama untuk menyertai Peraduan ini, kedua-dua Peserta akan dibatalkan penyertaan mereka dengan serta merta.
7. Bukti Pembelian mesti diserahkan dalam Tempoh Peraduan melalui mana-mana kaedah yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat seperti di bawah (rujuk kepada ‘*Cara Penyertaan*’).
8. Peserta dikehendaki menghantar penyertaan berserta Bukti Pembelian dalam Tempoh Peraduan.
9. Sebarang penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan ditolak dan dianggap tidak sah.
10. Hadiah Peraduan (“**Hadiah**”):

**Belanja dan Menang dengan MyDebit atau DuitNowQR (“Peraduan 1”)**

- Hadiah Utama: 1x Honda ADV160 (Tidak termasuk yuran pendaftaran, cukai jalan dan insurans/takaful);
- Hadiah Pertama: 1x Baucar Pelancongan di Jepun untuk 2 orang bernilai RM12,000;
- Hadiah Kedua: 2x Samsung 55” TV;
- Hadiah Ketiga: 2x PlayStation 5;

- Hadiah Keempat: 2x Samsung A54 5G 256GB; dan
- Hadiah Saguhati Bulanan: 30x Baucar PickNPay bernilai RM100 setiap satu.

### **Peraduan MyDebit Cash Out (“Peraduan 2”)**

Hadiah Bulanan: 75x Baucar PickNPay bernilai RM100 (25 pemenang setiap bulan)

11. Sejumlah 98 Hadiah untuk dimenangi untuk Peraduan 1 dan 75 Hadiah untuk Peraduan 2.
12. Imej Hadiah yang ditunjukkan dalam mana-mana bahan promosi, iklan, penerbitan/laman web dan bahan lain yang berkaitan dengan Peraduan ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin tidak menggambarkan Hadiah yang sebenar.
13. Pihak Penganjur berhak untuk menukar atau, melanjutkan Tempoh Peraduan mengikut budi bicara mutlaknya tanpa sebarang notis.

### **Cara Penyertaan**

14. Peserta perlu menghantar penyertaan mereka melalui aplikasi WhatsApp ATAU scan code QR Setiap penyertaan yang lengkap dan layak hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:
  - i. gambar resit / slip transaksi bank sebagai Bukti Pembelian; dan
  - ii. SIMPAN: BUKTI PEMBELIAN (asal);
  - (a) Hantar penyertaan anda melalui aplikasi WhatsApp ke nombor +6016 8328668
  - (b) Peserta akan menerima mesej balasan dengan pautan (laman sesawang / laman web) untuk melengkapkan butiran penyerahan penyertaan (notis privasi, soalan Peraduan, maklumat Peserta).
    - i. Nama Penuh
    - ii. Nombor Telefon
    - iii. Alamat Emel
    - iv. Nombor Kad Pengenalan
    - v. Gambar Bukti Pembelian
  - (c) Dengan menghantar penyertaan melalui WhatsApp, Peserta adalah dianggap telah membaca dan bersetuju pada notis privasi yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat di sini.

- (d) Perhatian: Bagi setiap Bukti Pembelian yang dihantar oleh Peserta, SATU (1) nombor siri rawak akan diberikan, nombor siri adalah untuk rujukan pihak Penganjur sahaja dan tidak akan didedahkan kepada Peserta.
- 15. Sebarang pendaftaran atau penyertaan yang tidak lengkap akan dibatalkan penyertaan kepada Peraduan ini.
- 16. Setiap Peserta (jika dipilih sebagai Pemenang) hanya layak untuk memenangi SATU (1) Hadiah sahaja bagi setiap Peraduan sepanjang Tempoh Peraduan.

### **Pemilihan Pemenang**

- 17. Pemenang akan dipilih berdasarkan proses berikut ("**Pemenang**") :
  - (a) Pada penghujung Tempoh Peraduan, Peserta yang layak akan disenarai pendek secara rawak oleh sistem pemilihan automatik berdasarkan jumlah bilangan penyertaan / penyerahan yang sah sepanjang Tempoh Peraduan ("Peserta Terpilih").
  - (b) Selepas tamat Tempoh Peraduan, Peserta Terpilih akan dihubungi oleh pihak Penganjur dan jika Peserta Terpilih tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) percubaan selama tiga (3) hari berturut-turut (dalam waktu bekerja, Isnin hingga Jumaat), pihak Penganjur mempunyai hak untuk membatalkan kelayakan Peserta Terpilih dan akan memilih Peserta yang layak seterusnya sebagai Pemenang Peraduan, yang mana akan dipilih mengikut budi bicara mutlak pihak Penganjur.
- 18. Pihak Penganjur akan menghubungi Peserta yang Terpilih / Pemenang melalui maklumat yang diberi semasa proses penghantaran penyertaan.
- 19. Pemenang dikehendaki mengemukakan bukti pengenalan (kad pengenalan Malaysia atau passport) semasa atau sebelum penebusan hadiah untuk tujuan pengesahan Pemenang. Bukti Pembelian yang tidak boleh dibaca/telah pudar/rosak adalah tidak sah, tidak layak dan akan dibatalkan untuk Peraduan ini.

## **Penebusan Hadiah**

20. Semua Pemenang mesti menuntut Hadiah pada tarikh yang ditentukan oleh pihak Penganjur atau dalam tempoh DUA (2) bulan selepas dihubungi oleh pihak Penganjur (melalui SMS atau lain-lain bentuk komunikasi). Sekiranya Pemenang gagal untuk menuntut Hadiah mereka atau menamakan seorang wakil dalam masa yang diperuntukkan, pihak Penganjur berhak untuk membatalkan hadiah atau memberikan hadiah tersebut kepada Pemenang lain.
21. Sekiranya Pemenang mewakilkan individu lain untuk menuntut hadiah bagi pihak mereka mesti memaklumkan pihak Penganjur sekurang-kurangnya **DUA (2)** hari lebih awal dari tarikh yg telah ditentukan. Pemenang mesti memastikan bahawa wakil mereka menyediakan surat kebenaran yang dikeluarkan dan ditandatangani oleh Pemenang, serta salinan dokumen pengenalan diri Pemenang, dan dokumen pengenalan diri untuk wakil Pemenang yang sah.
22. Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai. Pihak Penganjur dan Penaja mempunyai hak untuk menukar hadiah dengan hadiah yang sama nilai atas budi bicara tunggal dan mutlaknyaa. Pihak Penganjur, agensi, sekutunya, Penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap hadiah yang rosak atau penyalahgunaan mana-mana Hadiah, atau tuntutan, liabiliti, kerugian atau kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Peraduan ini.
23. Nilai hadiah adalah tepat pada masa cetakan. Pihak Penganjur dan Penaja berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah yang sama nilainya pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak mereka tanpa notis terlebih dahulu.
24. Penyempurnaan hadiah adalah bergantung kepada ketersediaan hadiah. Pihak Penganjur dan Penaja akan memaklumkan kepada Pemenang yang dipilih dari semasa ke semasa.
25. Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembekal (jika berkaitan). Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, pihak Penganjur dan Penaja dan ejennya tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti, kerugian dan kerosakan yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan

kepada butir-butir hadiah atau apa-apa keadaan yang tidak diduga di luar kawalan yang munasabah oleh pihak Penganjur dan Penaja dan untuk apa-apa perbuatan atau keingkaran oleh mana-mana vendor atau pembekal pihak ketiga.

26. Pihak Penganjur dan Penaja berhak untuk menangguhkan tarikh dan menukar tempat bagi menuntut Hadiah yang telah ditentukan sebelum penebusan Hadiah pada tarikh dan tempat yang lain sekiranya berlaku apa-apa keadaan yang di luar jangkaan.
27. Pihak Penganjur dan Penaja tidak akan bertanggungjawab dan/atau menanggung segala kos pengangkutan yang berkaitan dengan penebusan dan/atau penyerahan hadiah. Apa-apa kos tambahan, duti, cukai dan/atau perbelanjaan sampingan atau caj yang dikenakan berkaitan dengan penebusan hadiah adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang.
28. Hadiah yang hilang atau rosak semasa proses penghantaran tidak boleh diganti dan pihak Penganjur dan Penaja menafikan sebarang kewajipan untuk tidak menggantikan atau memenuhi hadiah tersebut.
29. Semua keputusan yang dibuat oleh pihak Penganjur berhubung dengan Peraduan termasuk tetapi tidak terhad kepada senarai Pemenang dan Hadiah adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau bantahan daripada Peserta tidak akan dilayan.
30. Pihak Penganjur dan Penaja tidak akan bertanggungjawab atau sebarang liabiliti untuk Hadiah / produk / baucar / e-baucar dan secara nyata mengecualikan dan menolak sebarang kenyataan, waranti atau pengesahan, tersirat atau bertulis, bertulis atau lisan, mengenai produk / baucar / e-baucar ditawarkan di bawah kempen ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada jaminan kualiti, kebolehdagangan, kesesuaian untuk tujuan atau kegunaan tertentu, kesihatan dan keselamatan. Hadiah / produk / baucar / e-baucar yang ditawarkan oleh pemilik jenama di bawah terma dan syarat seperti yang ditentukan oleh pemilik jenama. Sebarang pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan Hadiah / produk / baucar / e-baucar yang ditawarkan oleh pemilik jenama hendaklah diselesaikan oleh pengguna secara terus dengan pemilik jenama.

31. Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau apa-apa jenis perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta/Pemenang yang berkaitan dengan Peraduan ini (sama ada untuk tujuan menyertai, menghantar penyertaan atau penerimaan Hadiah) adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang/Peserta. Pihak Penganjur dan Penaja, sekutunya, ejen-ejen dilantik atau wakilnya tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kos/caj/yuran/perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta/Pemenang berkaitan dengan Peraduan ini.

### **Hak Penganjur / Penaja**

32. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberikan kebenaran kepada pihak Penganjur dan Penaja untuk menggunakan, menyiarkan atau memaparkan nama-nama dan gambar-gambar Peserta/Pemenang (jika ada) bagi tujuan pengiklanan, pemasaran, publisiti dan apa jua tujuan lain di dalam apa jua saluran penerbitan, pengedaran atau paparan, tanpa sebarang notis terlebih dahulu atau bayaran pampasan kepada Pemenang/Peserta. Pemenang/Peserta tidak mempunyai hak untuk membuat tuntutan hak milik atau lain-lain pampasan terhadap material tersebut.
33. Jika atas apa-apa sebab Peraduan ini tidak dapat diteruskan seperti yang dirancang atas sebab (dan tidak terhad) seperti penyebaran virus komputer, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, apa-apa tindakan kerajaan tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan atau apa-apa sebab di luar kawalan, pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlak, membatalkan, menamatkan, mengubah suai atau menggantung Peraduan ini tanpa sebarang notis.
34. Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlak, untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta dan/atau penyertaan yang didapati atau disyaki menipu / menggodam / menyalahgunakan proses penghantaran Peraduan, operasi Peraduan atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini dan pihak Penganjur berhak untuk melakukan tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang diyakini telah melakukan aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang memudaratkan Peraduan.

35. Penyerahan peraduan akan dianggap tidak sah sekiranya Peserta menghantar melalui 'Disappearing Message' melalui aplikasi WhatsApp dan imej resit hilang dalam masa yang ditetapkan oleh Peserta / pengguna.
36. Pihak Penganjur dan Penaja berhak untuk meminda Terma dan Syarat Peraduan pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknya.
37. Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, arahan dan kaedah Peraduan seperti yang terdapat di laman sesawang [www.picknpay.com.my](http://www.picknpay.com.my) atau sebaliknya, juga akan mengikat semua Peserta dan penyertaan mereka dalam Peraduan ini.
38. Jika berlaku apa-apa percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dan apa-apa terma yang terkandung dalam sebarang bahan promosi untuk Peraduan ini, terma dan syarat yang terkandung di [www.picknpay.com.my](http://www.picknpay.com.my) akan diguna pakai. Jika terdapat sebarang percanggahan dalam versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, Terma dan Syarat dalam versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
39. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberi kebenaran kepada pihak Penganjur atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh pihak Penganjur untuk memproses data peribadi Peserta yang diberikan untuk tujuan Peraduan.
40. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, pihak Penganjur dan Penaja, sekutunya dan/atau pihak ketiga yang dilantik tidak bertanggungjawab atas penyertaan yang hilang, rosak, lewat disebabkan atau sebarang kesilapan teknikal.

### **Liabiliti dan Tanggungjawab**

41. Peserta dan Pemenang akan menanggung sepenuhnya dan bertanggungjawab sekiranya berlaku liabiliti, kejadian tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang disebabkan penyertaan mereka di dalam Peraduan ini dan/atau penebusan dan/atau penggunaan Hadiah dan bersetuju untuk melepaskan pihak Penganjur dan agensinya daripada sebarang tuntutan sama ada bagi sebarang kecederaan, kemalangan, kehilangan nyawa mahupun kehilangan ekonomi dan lain-lain.



42. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, tidak di dalam apa-apa keadaan pihak Penganjur dan Penaja atau pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang berurusan dengan pihak Penganjur atau pihak Penaja untuk tujuan Peraduan ini) bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik atau ganti rugi tidak langsung, sampungan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya, berkaitan dengan Peraduan ini, walaupun pihak Penganjur dan Penaja telah dinasihatkan tentang kemungkinan kerosakan tersebut terlebih dahulu, dan semua ganti rugi yang tersebut adalah dinafikan.
43. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi keputusan yang dibuat oleh pihak Penganjur dan bersetuju dengan Terma dan Syarat Peraduan dan semua keputusan yang dibuat oleh pihak Penganjur.
44. Pihak Penganjur ingin memberi peringatan kepada Peserta untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya semasa menerima sebarang panggilan telefon atau mesej yang meminta maklumat peribadi anda semasa dan atau selepas Peraduan. Pihak Penganjur juga ingin menasihatkan Peserta kami untuk menghubungi pihak Penganjur untuk pengesahan mengenai Peraduan ini.
45. Terma dan Syarat ini dikawal oleh undang-undang Malaysia dan di bawah bidang kuasa mahkamah Malaysia

### **Perlindungan Data**

46. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada bank mereka untuk mendedahkan dan memberi kebenaran kepada pihak Penganjur untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan, memproses nama mereka, nombor kad pengenalan (KP) yang telah ditutupkan dan butir-butir peribadi lain ("Data Peribadi") untuk tujuan menjalankan Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumuman dan penerbitan Data Peribadi dan/atau foto Peserta di laman sesawang pihak Penganjur dan Penaja untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.

47. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta juga memberikan persetujuan dan kebenaran kepada pihak Penganjur untuk berkongsi atau mengumpul Data Peribadi mereka termasuk dengan pihak ketiga (jika diperlukan) tidak terhad kepada agen pihak Penganjur atau mana-mana bank peserta MyDebit di Malaysia. Semua pihak ketiga tersebut dikehendaki secara kontrak, tidak menggunakan Data Peribadi Peserta selain daripada cara yang dinyatakan di sini.
48. Di bawah undang-undang Malaysia, hak Peserta termasuk:
- (a) Hak untuk menarik balik kebenaran untuk penggunaan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi pihak Penganjur di alamat kontak yang dinyatakan di bawah yang disediakan pihak Penganjur dengan memberikan nama dan alamat e-mel Peserta untuk penghapusan Data Peribadi tersebut;
  - (b) Hak untuk mendapatkan salinan Data Peribadi yang dimiliki oleh pihak Penganjur; dan
  - (c) Hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.
49. Peserta boleh merujuk kepada Terma dan Syarat laman web Penganjur di [www.picknpay.com.my](http://www.picknpay.com.my).
50. Pihak Penganjur akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk menyimpan Data Peribadi Peserta dengan selamat, dan memerlukan pemprosesan data daripada pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama. Bagaimanapun, pihak Penganjur boleh mendedahkan Data Peribadi Peserta jika dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.
51. Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi yang berhubung kait dengan Peraduan ini akan ditadbir dan diuruskan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan apa-apa undang-undang yang berkaitan di Malaysia.

**[TAMAT]**